



SALAH satu tapak jualan di Pasar Tani Pusat Transformasi Komuniti Universiti untuk memudahkan pelajar membeli barangan keperluan di UniSZA, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

UniSZA wujudkan pasar tani dalam kampus

KUALA TERENGGANU 16 Sept. - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mewujudkan sebuah pasar tani dalam kampus bagi memudahkan penduduk sekitar serta penuntutnya mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian tanpa perlu pergi jauh.

Pasar tani yang beroperasi setiap Isnin itu dikendalikan oleh Pusat Keusahawanan dan Kejauharan universiti itu di kampus Gong Badak dekat sini.

Pengarahnya, Dr. Fakhru Anwar Zainol berkata, pasar tani yang diberi nama Pasar Tani Pusat Transformasi Komuniti Universiti UCTC itu diasaskan di bawah pro-

gram *My Best Buy* yang diilhamkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Sebanyak 20 hingga 30 peniaga berpayung yang datang dari sekitar kawasan kampus akan menjalankan perniagaan di pasar tani ini bermula pukul 3 petang hingga 10 malam.

"Pelbagai jenis barangan boleh didapati di pasar tani ini termasuk barangan basah seperti ikan, daging, ayam, sayur; makanan, minuman dan sebagainya," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, selain peniaga luar, beberapa penuntut UniSZA turut menjalankan perniagaan secara *car boot sale* seperti menjual

pakaian, aksesori, gajet dan barangan kosmetik di bawah Koperasi Siswa UniSZA Berhad (Kosiswa).

"Tujuan pasar tani ini diwujudkan adalah bagi mengurangkan beban dan kos sara hidup rakyat melalui pemasaran barang keperluan dengan pengurangan harga sebanyak lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

"Untuk peniaga pula, segala peralatan adalah di bawah tanggungjawab FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dan sewaan tapak akan dikenakan ke atas mereka sebagai satu sumber pendapatan kepada universiti," katanya.